

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31.10.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia ke atas Cheah Tek Kuang dan Joanna Yu yang telah membantu '*cover up*' transaksi penghantaran wang haram di dalam Ambank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menjalankan siasatan menurut kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada

Aktiviti Haram 2001 terhadap institusi kewangan yang terbabit di dalam kes berhubung syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Berdasarkan hasil siasatan, tindakan penguatkuasaan sewajarnya telah diambil dalam lingkungan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada BNM. BNM juga diberi kuasa untuk berkongsi maklumat dengan mana-mana agensi penguatkuasaan dan memberi kerjasama penuh kepada siasatan yang dijalankan oleh agensi tersebut.